



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT



*Kata Aluan***KETUA PENGARAH** —————

Assalammualaikum, Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya mencoretkan sepatial dua kata bagi penerbitan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

CGSO merupakan salah satu organisasi yang sering berurusan dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Oleh yang demikian, keperluan mewujudkan budaya profesional termasuklah imej penampilan diri warga CGSO amat penting untuk mempamerkan tanggapan dan imej yang positif kepada semua pelanggan yang berurusan dengan CGSO.

2
Garis panduan ini telah dibangunkan selaras dengan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa agar selari dengan aspirasi Kerajaan bagi mencerminkan kredibiliti dan imej bersesuaian dengan CGSO sebagai sebuah agensi yang memperkasakan keselamatan perlindungan secara holistik, bersepadau, berimpak tinggi, berkesan dan relevan.

Justeru, saya berharap agar Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat ini dapat dijadikan rujukan dan panduan ke arah membentuk budaya berketrampilan bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi pihak luar yang berurusan dengan CGSO.

Sekian.

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Tarikh: 01 September 2023



*Kata Ahuan***KETUA UNIT INTEGRITI****Assalammualaikum, Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat, Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia ini dapat direalisasikan.

Etika berpakaian merupakan elemen yang sangat penting kerana pakaian melambangkan keperibadian seseorang yang mencerminkan budaya kerja sesebuah organisasi. Imej seseorang itu dinilai dari beberapa aspek. Diantaranya ialah gerak-geri, cara bercakap, bahasa dan gaya yang digunakan, nada suara, kebersihan dan pakaian. Antara perkara tersebut pakaian merupakan fokus atau tumpuan utama kerana pakaian memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keperibadian seseorang individu.

Menyedari hakikat ini, Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat CGSO telah diwujudkan untuk memberikan panduan kepada warga CGSO tentang tatacara berpakaian yang sepatutnya sesuai dengan suasana kerja terutama apabila berada di lapangan.

Akhir kata, saya berharap agar warga CGSO dapat mengambil manfaat dan sama-sama menjadikan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat CGSO ini sebagai rujukan dalam mempertingkatkan imej korporat CGSO disamping sentiasa menjaga etika berpakaian di mana jua berada terutama apabila terlibat dengan urusan rasmi.

Sekian.

Azali bin Bachok
Ketua Unit Integriti



ISI **KANDUNGAN**

5

OBJEKTIF

24

AKSESORI

6

RUJUKAN

07-23

**PANDUAN PAKAIAN
KE PEJABAT**

25

**TIPS
TAMBAHAN**

26-28

**PERKARA YANG DILARANG
DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN
PENAMPILAN KE PEJABAT**

29

PENUTUP

OBJEKTIF

Garis panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) supaya wujud keseragaman (*uniformity*) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat CGSO. Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Pegawai CGSO hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan pegawai CGSO diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



RUJUKAN

Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1983 (Pemakaian Tanda Nama)

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985
- Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam

Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013: Pemakaian *Two/Three-Pieces Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) rujukan JPA.100-1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023.- Pemakaian Pakaian Batik Malaysia

Pekeliling/Peraturan dikeluarkan oleh kerajaan yang sedang berkuatkuasa

KEMEJA

Kemeja berkolar dan berlengan panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai *cuff link*

01**02**

Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan lengan tidak dilipatkan

Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel

03**04**

Kemeja berjalur seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya

Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan

05**06**

Lebar kolar hendaklah bersesuaian



TALI LEHER

Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga


01**02**

Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju

Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju. Jika mengenakan *pocket handkerchief*, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama

03**04**

Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian ‘buckle’ tali pinggang



LOUNGE SUIT (LELAKI)

Gabungan 2-pieces suit yang terdiri daripada:

- Kot
- Seluar Panjang

01

02

Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher

03

Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan

04

Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna gelap

05

Pemakaian Nehru Suit sama ada berbutang hadapan atau berselindung. Boleh dipakai semasa bekerja ataupun menghadiri acara rasmi.



LOUNGE SUIT (WANITA)

Gabungan 2-pieces suit yang terdiri daripada:

- Kot
- Skirt paras lutut / skirt labuh atau seluar

01

02

Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai *cuff link*

03

Seluar, skirt dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan


04

Pilihan warna sut skirt / seluar yang digalakkan adalah warna gelap




TWO/THREE PIECE SUIT PANTS (PEGAWAI AWAM WANITA)

Gabungan *two/three-piece suit pants* yang terdiri daripada:
● Kot
● Seluar Panjang

01**02**

Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai *cuff link*

Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan

03**04**

Pilihan warna sut seluar yang digalakkan adalah warna gelap

Pemakaian palazo adalah tidak dibenarkan

05

BAJU BATIK

01

Batik yang dipakai hendaklah bercirikan batik Malaysia

02

Baju Batik adalah wajib dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis, manakala pemakaian batik pada hari bekerja lain adalah digalakkan

03

Digalakkan membawa Baju Batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia



PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

Pakaian Kebangsaan / Tradisional ialah Baju Melayu (digalakkan pada hari Jumaat bagi lelaki), Baju Kurung, Baju Kebaya, Sari, Sut Punjabi, Ceongsam

01**02**

Baju Melayu yang lengkap adalah bersamping, bersongkok hitam dan berbutang

Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar

03**04**

Baju Kurung atau Kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian)

Fesyen Baju Kurung dan Baju Kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang

05**06**

Sut Punjabi, Ceongsam dan Sari yang bersesuaian dan sopan

Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi

07

PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

Baju Melayu Cekak Musang - leher baju dipasang kolar tinggi dan berbelah di dada serta dipasangkan dengan 5 butir butang, 2 butir di kolar dan 3 lagi di bahagian belah dadanya baju dan seluar lazimnya dibuat sedondon dari fabrik berwarna tanpa corak

01

14
02

Baju Melayu Telok Belanga - leher baju dikemaskan dengan jahitan tulang belut atau dijahit dengan mesin jahit sahaja dan dipasangkan dengan butang sebutir. Baju dan seluar dipakai sedondon dari fabrik berwarna tanpa corak

03

Capal boleh dipakai dengan pakaian Baju Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok

04

Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersetujuan untuk menjalankan tugas rasmi

PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL



BAJU KORPORAT CGSO

Baju Korporat CGSO digalakkan dipakai pada setiap hari Rabu

01

02

Pilihan warna seluar adalah berwarna hitam atau gelap

Semua Pegawai CGSO hanya **dibenarkan** menggunakan Baju Korporat yang sedang berkuatkuasa (Baju Korporat selain daripada spesifikasi yang berkuatkuasa dilarang sama sekali digunakan untuk sebarang urusan rasmi CGSO)

03

04

Setiap pasukan perlu memastikan pakaian adalah seragam untuk sebarang program atau urusan rasmi

Sila rujuk Lampiran A (Spesifikasi Baju Korporat CGSO)

05

BAJU KORPORAT CGSO

Lampiran A (Spesifikasi Baju Korporat CGSO)



17



BAJU NAZIRAN CGSO I

01

Baju Naziran CGSO digalakkan dipakai pada:

- Semasa Naziran, Lawatan, Pemantauan.
- Semasa bertugas rasmi pada hari tidak bekerja.

02

Semua Pegawai **diwajibkan** hanya menggunakan Baju Naziran 1 yang sedang berkuatkusa (Baju Naziran selain daripada spesifikasi yang berkuatkuasa dilarang sama sekali digunakan untuk sebarang urusan rasmi CGSO)

03

Kasut yang sesuai adalah jenis *tactical & low cut tactical*

04

Setiap pasukan perlu memastikan pakaian adalah seragam untuk sebarang program atau urusan rasmi

05

Sila rujuk Lampiran B (Spesifikasi Baju Naziran I)

BAJU NAZIRAN CGSO I

Lampiran B (Spesifikasi Baju Naziran I)



Jenis kain:
Ripstop

BAJU NAZIRAN CGSO II

Baju Naziran 2 CGSO dibenarkan dipakai ketika kerja 100% di lapangan, baju hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan berkasut formal

01

02

Dilarang pemakaian Baju Naziran 2 untuk urusan di pejabat

20

Pilihan warna seluar yang digalakkan adalah berwarna gelap

03

04

Semua Pegawai **diwajibkan** hanya menggunakan Baju naziran 2 yang sedang berkuatkuasa. (Baju Naziran selain daripada spesifikasi yang berkuatkuasa dilarang sama sekali digunakan untuk sebarang urusan rasmi CGSO)

05

06

Sila rujuk Lampiran C (Spesifikasi Baju Naziran II)

BAJU NAZIRAN CGSO II

Lampiran C (Spesifikasi Baju Naziran II)



KASUT

FORMAL LELAKI

- Bersih dan berkilat
- Bertumit digalakkan (0.5" – 1.0")
- Bertutup/Bertali
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki sepadan dengan seluar

22



FORMAL WANITA

- Bertumit (digalakkan < 2.0")
- Bertutup /Bertali
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)



TANDA NAMA

- Tanda nama hendalah sentiasa dipakai sepanjang masa ketika sedang menjalankan tugas.
- Semua tanda nama hendaklah dibuat daripada plastik dengan huruf berwarna putih berlatar belakangkan hitam dan berukuran 7.5cm x 2.5 cm
- Hanya satu nama sahaja digunakan
- Tidak ada had huruf dan saiz yang dikenakan dan sekiranya ejaan nama itu berlebihan ia hendaklah dipendekkan atau dikecilkan untuk dimuatkan ke dalam ukuran tanda nama yang telah ditetapkan
- Gelaran-gelaran darjah kebesaran, keturunan, ‘profesion’, akademik atau ‘initial’ tidak boleh dituliskan
- Nama jawatan dan logo jabatan juga tidak harus dimasukkan dalam tanda nama berkenaan, jabatan-jabatan yang hendak menggunakan logo jabatan, ianya hendaklah diadakan secara berasingan dari tanda nama
- Tanda nama hendaklah disematkan dibaju di dada sebelah kiri
- Tanda nama hendaklah diasingkan dari pas keselamatan

23



AKSESORI

LELAKI

■ Pin Tali Leher :

- Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju
- Tengah saku baju

■ Tali Pinggang :

Warna tali pinggang sepadan dengan warna kasut

WANITA

■ Rantai/Gelang/Cincin :

Sederhana serta tidak terlalu sarat dan mewah

■ Solekan :

Mengenakan solekan yang sederhana dan tidak keterlaluan bersesuaian dengan situasi dan keadaan

■ Beg Tangan :

Beg tangan yang bersesuaian dari segi saiz dan bentuk

LELAKI / WANITA

■ Jam Tangan :

Bersesuaian

■ Cermin Mata :

Pilih bingkai yang bersesuaian

■ Wangian/Semburan :

Pilih bauan yang lembut dan minimal bersesuaian dengan keadaan bagi mengelakkan situasi kurang menyenangkan

TIP TAMBAHAN

LELAKI / WANITA

Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, Baju Kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal

Bagi mereka yang kurus, digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita

Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat

WANITA

25

Baju Kurung hendaklah tidak melebihi dari 3 kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat

Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh

WANITA MENGANDUNG

Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar

Memakai kemeja atau blaus sama ada plain atau bercorak yang melepas punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar

Memakai maxi atau jubah labuh

Memakai kasut atau sandal yang sesuai dan selesa

PERKARA YANG DILARANG

LELAKI

KEPALA

- Menindik telinga
- Mewarnakan rambut (contoh merah, kuning, biru)
- Rambut mencacak, *punk* atau *skinhead*
- Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju
- Memakai kopiah termasuk bersama Baju Melayu
- Misai melebihi bahagian atas bibir
- Berkepala botak tidak digalakkan KECUALI atas sebab genetik / kesihatan atau faktor keagamaan

26

BADAN

- Memakai sut yang berlainan warna dengan warna seluar kecuali jika memakai *sports-jacket*
- Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain yang tidak sesuai
- Memakai lebih daripada dua (2) cincin pada satu tangan
- Berkuku panjang dan tidak bersih
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam / baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan
- Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucu dan yang seumpamanya

PERKARA YANG DILARANG

LELAKI

KAKI

- Memakai selipar, kasut getah dan kasut sukan
- Kasut yang tiada bertumit (kecuali atas sebab kesihatan)

KETERAMPILAN UMUM

- Mencacah tatoo
- Nafas berbau
- Mempunyai bau badan

PERKARA YANG DILARANG

WANITA

KEPALA

- Rambut yang tidak disisir rapi (jika dilepaskan, rambut hendaklah disisir rapi)

BADAN

- Baju yang terdedah di bahagian pinggang (midriff)
- Pakaian yang ketat, jarang, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam / baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan
- Berkuku panjang dan kotor
- Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucuh dan yang seumpamanya

KAKI

- Kasut tiada bertumit tidak digalakkan (kecuali atas sebab kesihatan)
- Selipar
- Sandal

KETERAMPILAN UMUM

- Solekan yang berlebihan
- Mencacah tatoo
- Memakai wangian yang tidak sesuai dan berlebihan

PENUTUP

Semoga penerbitan Buku Garis Panduan Etika dan Pemakaian Ke Pejabat ini dapat dijadikan panduan yang lengkap kepada semua warga CGSO mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat. Pegawai CGSO hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan pegawai CGSO diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk merealisasikan hasrat jabatan untuk menjadikan warga CGSO sebagai penjawat awam yang berimej unggul dan profesional pada setiap masa.

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri,
Aras -1, 1 dan 2, Setia Perdana 7,
Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia.

Tel: +603-80008000 (1MOCC)
Faks: +603-8888 3258